

11 MAY 2000

Mahathir-Umno (Reaksi)

PEMIMPIN KOMPONEN BN AMBIL PERHATIAN AMANAT MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Para pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) mengambil perhatian serius terhadap amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa merasmikan perhimpunan agung Umno ke-54 di sini hari ini.

Walaupun banyak perkara yang disentuh oleh Presiden Umno itu berkisar kepada Umno, parti tulang belakang BN, namun para pemimpin komponen mendapatinya amat relevan kepada parti masing-masing dan masa depan negara keseluruhannya.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup berkata contoh paling ketara kesesuaian amanat Dr Mahathir kepada semua parti ialah mengenai politik wang, yang bukan menjamin naiknya pemimpin yang baik tetapi pemimpin yang akan gagal kemudiannya.

Ia perlu diberi perhatian serius walaupun tidak berlaku di dalam PBRS, beliau berkata, "Penting bagi setiap kita mengambil iltizam dan iktibar supaya gejala buruk politik wang tidak berlaku kemudian."

Begitu juga dengan wakil rakyat yang gagal berkhidmat sehingga rakyat meluat, yang seharusnya meletak jawatan kerana rakyat memilih mereka untuk berkhidmat dan bukan untuk membolehkan mereka mencari kepentingan peribadi, katanya.

Presiden MIC Datuk Seri S Samy Vellu pula berkata ucapan Dr Mahathir itu mengandungi nasihat terhadap ahli-ahli politik supaya sentiasa bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas.

Katanya yang utama ialah memastikan perpaduan dan keharmonian rakyat berbilang bangsa di negara ini ketika Malaysia menuju ke arah menjadi negara maju.

"Perpaduan di kalangan rakyat Malaysia adalah lebih penting kerana sebagai negara yang sedang membangun, kita akan hancur jika tidak mempunyai kesepaduan dan perpaduan," katanya.

Samy Vellu berharap semua ahli politik mengambil ikhtibar dan mematuhi nasihat Perdana Menteri itu.

Presiden parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata Perdana Menteri memberi mesej yang sangat jelas tentang keburukan politik wang kepada perjuangan Umno dan berpendapat ia juga sesuai untuk Gerakan dan parti-parti komponen BN lain.

Apa yang diperlukan sekarang ialah semua anggota parti komponen kembali kepada asas perjuangan parti iaitu untuk rakyat dan negara dan bukan kepentingan peribadi.

"Kita pemimpin kena ingatkan para perwakilan atau anggota parti supaya tidak menerima sesuatu seperti wang kerana ia akan membawa politik yang tidak sihat kepada sesuatu perjuangan dalam parti," katanya.

Cabaran lain yang sesuai untuk parti-parti komponen BN termasuk usaha untuk memberi penjelasan kepada rakyat tentang kerajaan BN setelah parti-parti pembangkang membuat pelbagai fitnah dan tohmahan agar rakyat membenci kerajaan.

"Rakyat berbilang kaum di negara ini juga perlu bersatu untuk menghadapi cabaran antarabangsa seperti globalisasi dan order kewangan baru, jika tidak kita senang dijajah semula, bukan dijajah melalui senjata api tetapi melalui kewangan," kata Dr Lim.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang turut menyambut baik ucapan Dr Mahathir itu terutama membanteras politik wang, berkata parti itu akan menubuhkan satu jawatankuasa bagi merangka garis panduan untuk pemilihan parti berkenaan.

Garis panduan mengenai apa yang perlu dilakukan dan tidak boleh dibuat dari peringkat awal hingga pemilihan parti, katanya kepada pemberita.

Dr Ling berkata meskipun pemilihan MCA hanya akan diadakan dua tahun

lagi, adalah baik untuk parti berkenaan menanam kesedaran di kalangan anggota supaya menjauhi politik wang.

"Untuk keadilan semua pihak, kami akan membanteras sebarang bentuk politik wang supaya setiap calon yang berkaliber, baik dan bersih boleh bertanding dalam kedudukan yang sama," katanya.

Menurut Dr Ling politik wang mesti dihapuskan kerana ia boleh memburukkan nama serta memusnahkan parti.

-- BERNAMA

ARA LAT